



SIARAN AKHBAR  
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
03 ZULHIJAH 1442H / 14 JULAI 2021M

GERAI PERAYAAN SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-  
PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-75 BAGI TAHUN 2021  
BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Gerai Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 Bagi Tahun 2021 bagi Daerah Brunei dan Muara sukacita memaklumkan bahawa Gerai Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 Bagi Tahun 2021 bagi Daerah Brunei dan Muara **akan diadakan bermula 15 Julai 2021 hingga 3 Ogos 2021, jam 5.00 petang hingga 10.00 malam.**
2. Lokasi-lokasi yang telah dikhaskan adalah seperti berikut:-

Bil	Tempat
1	Kawasan Lapang Letak Kereta Jalan Bendahara berhadapanan Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan
2	Sebahagian Jalan Pretty
3	Sebahagian Jalan Elizabeth 2
4	Jalan Pemancha

3. Dalam hubungan ini, orang ramai adalah dialu-alukan berkunjung bagi sama-sama memeriahkan semasa Gerai Perayaan yang diadakan pada tarikh dan tempat-tempat yang dinyatakan di atas. Walaubagaimanapun ke arah membendung penularan COVID-19 di Negara ini, serta berpandukan kepada nasihat-nasihat Kementerian Kesihatan, maka penjaja-penjaja dan pengunjung Gerai Perayaan adalah dikehendaki untuk mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan seperti berikut:-

...2/



**BAGI PENJAJA GERAJ PERAYAAN:**

3.1 Penjaja Gerai Perayaan hendaklah memastikan diri dan pekerja mereka untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (face mask);

3.2 Penjaja Gerai Perayaan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir berniaga;

3.3 Memastikan penjarakan sosial termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan seperti:-

3.3.1 Penempatan petak dengan tidak menyimpan barang-barang jualan diluar daripada petak yang dikhaskan; dan

3.3.2 Penjaja Gerai Perayaan dikehendaki untuk memastikan kebersihan petak sentiasa dijaga.

**BAGI PENGUNJUNG GERAJ PERAYAAN:**

3.4 Memastikan penjarakan sosial dengan mematuhi garis panduan-garis panduan dan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan; dan

3.5 Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan / tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi Gerai Perayaan sehingga telah sembuh / sehat;

3.6 Bekerjasama menjaga kebersihan di kawasan gerai perayaan dan persekitarannya dengan membuang bekas-bekas makanan dan minuman di tong-tong sampah yang disediakan.

4. Jabatan ini juga ingin menekankan dan mengingatkan bahawa berjaja di kawasan yang bukan dikhaskan selain kawasan-kawasan yang dinyatakan di atas adalah tidak dibenarkan. Untuk itu kepada orang ramai yang berkeinginan ikutserta berjaja, permohonan berjaja masih lagi dibukakan dan bolehlah menghubungi syarikat pengendali yang dilantik **di talian +6732339901, +6738988299 dan +6737222462.**

5. Penjaja-penjaja dan pengunjung Gerai Perayaan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan dan nasihat-nasihat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

UNIT KORPRAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PENYELIDIKAN, JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN

☎: +673 2232424 SMB : 114 / 365

🌐 [www.bandaran-bsb.gov.bn](http://www.bandaran-bsb.gov.bn)

✉ [info@bandaran-bsb.gov.bn](mailto:info@bandaran-bsb.gov.bn)



[jabatanbandaran.bsb](https://www.instagram.com/jabatanbandaran.bsb)



+673 7179900